

# Import lembu, kuda pertama daripada Argentina tiba

PASIR GUDANG 19 Okt. – Malaysia hari ini menerima 1,420 ekor lembu dan 33 ekor kuda yang diimport kali pertama dari Argentina sekali gus membuka laluan kepada hubungan dagang yang lebih luas antara negara Selatan Selatan.

Pengerusi Eksekutif Halim Mazmin Berhad, Tan Sri Halim Mohammad berkata, pihaknya menyewa sebuah kapal 'MV Friesian Express' untuk membawa 1,453 ekor haiwan tersebut ke sini.

"Kapal yang membawa haiwan itu mengambil masa 25 hari untuk sampai ke sini setelah berlepas dari Buenos Aires," ujarnya pada sidang akhbar di sini.

Halim memberitahu, salah seekor kuda yang dibawa itu telah melahirkan seekor anak dan pihaknya bercadang menghadiahkan kuda tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara akhir bulan ini.

Beliau menyatakan, kuda itu dinamakan Friesian sempena nama kapal yang membawanya dari Argentina.

Beliau berkata, kesemua lembu itu untuk pembiakan baka manakala kuda pula ada untuk kegunaan unit berkuda pihak berkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Halim berkata, berdasarkan pengalaman membawa 1,450 ekor haiwan tersebut, Halim Mazmin Berhad akan mengubah suai kapalnya untuk digunakan bagi membawa haiwan ternakan dari Argentina ke Malaysia.

Sehubungan itu, beliau turut menyeru para pengimport tempatan membeli lembu dari Argentina kerana harga haiwan dari negara tersebut lebih rendah berbanding negara-negara lain.

Selain harga, kata beliau, daging lembu dari negara berkenaan juga bermutu tinggi.